

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU
NAIDU [BATU GAJAH]**

SOALAN

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah banduan di setiap penjara di Malaysia mengikut pecahan kaum dan jenayah yang dilakukan. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah kepadatan penghuni di sel-sel penjara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 17 Jun 2019, jumlah banduan yang sedang menjalani hukuman pemenjaraan di seluruh institusi penjara Malaysia adalah seramai 63,481. Daripada jumlah tersebut seramai 47,630 adalah warga Malaysia iaitu 32,131 banduan Melayu, 4,312 adalah Cina, 5,429 terdiri daripada orang India dan 5,758 merupakan lain-lain bangsa. Manakala 15,851 lagi adalah penghuni warga negara asing.

Pecahan mengikut kategori kesalahan pula, rekod menunjukkan kira-kira 61% banduan telah melakukan kesalahan yang mempunyai kaitan dengan dadah. Manakala, lain-lain kesalahan adalah di bawah Akta Imigresen dan Kanun Keseksaan.

Isu yang kian menjadi dipersoalkan adalah isu kesesakan banduan di penjara. Sehubungan itu, bagi menangani masalah kesesakan atau kepadatan ini, Jabatan Penjara Malaysia tidak mengambil pendekatan semata-mata untuk pembinaan penjara baru, sebaliknya beberapa langkah proaktif turut diambil untuk mengurangkan masalah tersebut. Di antaranya adalah:

- i. Melaksanakan pemindahan banduan dari penjara sesak ke penjara yang kurang sesak;
- ii. Mempergiatkan pelaksanaan Sistem Parol, Perintah Kehadiran Wajib dan Pusat Pemulihan Pemasarakatan yang mana kini telah melibatkan seramai 41,274 orang yang telah dan sedang menjalani pemulihan di luar penjara;

SOALAN NO : 413

- iii. Meningkatkan keberkesanan pemulihan dan latihan bagi mengurangkan kemasukan semula banduan ke penjara selepas mereka dibebaskan;
- iv. Mengubahsuai penjara sedia ada bagi meningkatkan kapasiti;
- v. Kerjasama dengan mahkamah dan Jabatan Imigresen bagi mempercepatkan proses penghantaran pulang banduan warga asing yang telah selesai menjalani hukuman; dan
- vi. Meneliti lain-lain bentuk alternatif kepada hukuman pemenjaraan dan pelaksanaan program pemulihan di luar penjara yang mungkin boleh dilaksanakan di Malaysia.

Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia sentiasa bekerjasama dalam memastikan inisiatif-inisiatif dalam menangani masalah kesesakan di penjara ini dilaksanakan, bersama-sama dengan Agensi kerajaan lain yang berkaitan.